

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Tuan/ Puan,

MAKLUMAN PENYEBARAN E-MEL PHISHING YANG MEMINTA PENGGUNA UNTUK MEMBERIKAN NOMBOR TELEFON PERIBADI

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Perhatian Kepada:	Pentadbir UC dan Pengguna MyGovUC
Tarikh / Masa	Tarikh : 9 November 2021 (Selasa) / 9.30 pagi
Makluman	<p>Adalah dimaklumkan bahawa terdapat penularan e-mel <i>phishing</i> yang memaklumkan alasan/tindakan tertentu dan meminta pengguna untuk memberikan nombor telefon peribadi kepada penghantar e-mel tersebut.</p> <p>Contoh e-mel <i>phishing</i> adalah seperti berikut:</p> <div data-bbox="443 725 1118 938" style="background-color: black; color: white; padding: 10px; text-align: center;"><p>Can i have a quick moment with you, Kindly drop your whatsapp number once you receive this message. Thanks.</p></div> <p>Penularan e-mel ini telah disekat dan adalah diingatkan bahawa Pihak MyGovUC 2.0 TIDAK ADA mengeluarkan e-mel untuk meminta pengguna untuk memberikan nombor telefon peribadi kepada pihak MyGovUC.</p> <p>Sehubungan dengan itu, semua pengguna adalah diminta TIDAK memberikan maklumat peribadi kepada e-mel yang mencurigakan.</p>
Kesan sekiranya pengguna klik pada link capaian	<p>E-mel <i>phishing</i> boleh menyebabkan pengguna</p> <ol style="list-style-type: none">i. Kehilangan maklumat pentingii. <i>Malware Infection</i>iii. Kecurian data dan <i>password</i>iv. <i>Ransomware</i>
Tindakan yang perlu diambil oleh pengguna:	<p>Jika anda menerima e-mel <i>phishing</i></p> <ol style="list-style-type: none">i. Jangan balasii. Jangan klik sebarang pautaniii. Jangan buka fail yang dilampirkaniv. Forward ke aduanspam@mampu.gov.my
Sekiranya anda memerlukan penjelasan lanjut, sila hubungi:	<p>Meja Bantuan MyGovUC 2.0</p> <p>Tel: 03-8320 0660</p> <p>E-mel: sdmygovuc@mampu.gov.my.</p>

Segala kerjasama dan perhatian Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, salam hormat.

**Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur dan Keselamatan ICT,
Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri**